



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

ABM WILAYAH SELATAN LATIH DAN AKREDIT LEBIH 66,000 PEKERJA MAHIR BINAAN

JOHOR BAHRU (19 MEI 2024) – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Selatan telah melatih dan mengakredit **66,087** pekerja mahir binaan sejak awal tahun penubuhan bermula 1997.

Latihan yang dilaksanakan CIDB selaras dengan inisiatif kerajaan dalam memperkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). CIDB memberi tumpuan kepada tred-tred yang berimpak tinggi seperti, *Chargeman, Gas Pipe Fitter, Welding, Plumbing, Scaffolding* dan *Crane Operation*. Tred berimpak tinggi adalah antara bidang yang mempunyai permintaan tenaga kerja yang paling tinggi dalam sektor pembinaan. Selain itu, CIDB menghadapi revolusi pendigitalan dalam latihan pembinaan dengan memperkenalkan teknologi terkini seperti Augmented Reality (AR), Virtual Reality (VR) dan drone.

Perkara ini ditekankan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan dalam ucapan beliau semasa mengadakan lawatan kerja rasmi ke ABM Wilayah Selatan “Saya amat berbangga melihat usaha CIDB dalam mengintegrasikan teknologi terkini dalam pelaksanaan latihan di ABM Wilayah Selatan, termasuk konsep Pembinaan 4.0 yang merujuk kepada penggunaan teknologi canggih seperti *Building Information Modelling (BIM), Automation, Virtual Reality (VR)* dan *Augmented Reality (AR)* dalam sektor pembinaan. Penggunaan teknologi ini bukan

sahaja meningkatkan kecekapan dan produktiviti, tetapi juga memastikan kualiti dan keselamatan dalam setiap projek pembinaan”.

Turut hadir semasa lawatan kerja rasmi adalah Pengarah CIDB Negeri Johor, Sr Ahmad Farrin Mokhtar, Pengurus Besar CIDB, Ts Emasria Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif ABM Wilayah Selatan, Tuan Haji Mohd Zaidi Bin Rahmat dan Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Technologies Sdn. Bhd., Encik Mohd Hafiz Dasahi.

ABM Wilayah Selatan juga bekerjasama dengan rakan industri yang memberi peluang pekerjaan kepada pelatih-pelatih ABM Wilayah Selatan dalam tred seperti *mechanical fitter, gas pipe fitter, gas pipe insulation, scaffolding, building operation maintenance, air conditioning, crane operation, wireman* dan *chargeman*. Melalui kajian yang dibuat kadar kebolehpasaran graduan ABM Wilayah Selatan adalah sebanyak 83%.

ABM adalah pusat penilaian dan latihan di bawah CIDB Malaysia yang memberi peluang kepada golongan belia dan personel binaan menjalani latihan kemahiran dalam industri pembinaan. Sehingga kini, ABM Wilayah Timur, Utara, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak menawarkan lebih dari 100 tred latihan kemahiran pembinaan yang ditaja oleh CIDB Malaysia.

Kampus-kampus ABM beroperasi di kawasan koridor ekonomi seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.cidb.gov.my / www.akademibinaan.com.my.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
